



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27/1/2011



KUNJUNGAN

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengunjungi kilang dan ibu pejabat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) semalam setelah kali terakhir melakukannya 10 tahun lalu.

Kali terakhir beliau ke sana adalah pada 7 Ogos 2001 lalu sewaktu meraikan penjualan ke 500,000 buah kenderaan milik Perodua iaitu Kancil.

Dalam kunjungan terbaharu, Dr. Mahathir diiringi oleh Pengerusi Perodua; Tan Sri Asmat Kamaludin dan Pengarah Urusannya; Datuk Aminar Rashid Salleh.

Dalam lawatan itu, Dr. Mahathir turut dibawa melawat pusat penyelidikan dan pembangunan model terbaru dan pusat pengeluaran enjin Perodua.

Beliau turut dihadiahkan sebuah model kenderaan pelbagai

guna (MPV) popular iaitu Alza dengan bernombor plat 2020 sebagai menghargai salah satu dasar yang diperkenalkannya iaitu Wawasan 2020.

Sebagai memperingati lawatan itu juga, Perodua akan melancarkan 500 buah kenderaan Alza Edisi Eksklusif iaitu pengubahsuaian daripada model Alza Advanced yang dijangka memasuki pasaran pertengahan tahun ini.

RM1,000 daripada setiap jualan kereta itu akan didermakan kepada The Perdana Leadership Foundation.

- MAHATHIR Mohamad menurunkan tanda tangannya pada kereta Perodua sambil diperhatikan oleh Aminar Rashid Salleh (kiri) di Rawang, semalam.